



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD  
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ  
VOKASIONAL DI ZON TENGAH, MALAYSIA**

**NORMASITAH BINTI MASRI**

**FPP 2020 15**



**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD  
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ  
VOKASIONAL DI ZON TENGAH, MALAYSIA**

Oleh

**NORMASITAH BINTI MASRI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Oktober 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk kajian bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran penulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

*Tesis ini saya dedikasikan kepada*

*Keluarga dan rakan-rakan yang dicintai;*

*Dengan penuh kasih sayang dan kenangan yang indah  
Kepada Allah kita berserah*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR TERPILIH DENGAN TEKAD  
KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ  
VOKASIONAL DI ZON TENGAH, MALAYSIA**

Oleh

**NORMASITAH BINTI MASRI**

**Oktober 2019**

**Pengerusi : Arnida binti Abdullah, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Graduan TVET disasarkan menjadi pekerja mahir atau separa mahir selain mampu menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) selaras dengan objektif penubuhan kolej vokasional bagi melahirkan 70% pekerja industri dan 10% usahawan. Walau bagaimanapun, kajian pengesanan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (2018) menunjukkan peratusan graduan TVET yang bekerja sendiri adalah yang terendah berbanding graduan universiti awam, politeknik, dan kolej komuniti. Tekad keusahawanan dikenalpasti sebagai peramal terbaik kepada tingkah laku keusahawanan dikaji dengan faktor-faktor terpilih; sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah, Malaysia. Kajian tekad keusahawanan dijalankan menggunakan Teori Tingkahlaku Terancang oleh Ajzen (1991), Teori Peristiwa Keusahawanan (Shapero dan Sokol, 1982) dan Teori Penglibatan Pelajar (Astin, 1984).

Pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik melibatkan 256 orang pelajar telah dipilih secara rawak berstrata dalam kalangan pelajar DVM di 16 buah kolej vokasional di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati tahap tekad keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana iaitu min 3.65 dengan sisihan piawai .84 (n= 244). Tahap tinggi bagi faktor sikap keusahawanan (min = 3.75, SP = .63), personaliti proaktif (min = 3.87, SP = .53) dan norma sosial (min = 3.75, SP = .66) manakala tahap sederhana bagi efikasi keusahawanan (min = 3.34, SP = .70), dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan pula adalah sederhana (min = 3.21, SP = .76). Terdapat perbezaan yang signifikan antara min tekad keusahawanan [ $f(2, 243) = 9.060, p = .000$ ] dalam kalangan pelajar di negeri-negeri

yang dikaji. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara sikap keusahawanan pelajar ( $r=.791$ ,  $p< .01$ ), norma sosial ( $r = .579$ ,  $p<.01$ ), efikasi keusahawanan ( $r = .632$ ,  $p< .01$ ), personaliti proaktif ( $r = .469$ ,  $p< .01$ ) dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan ( $r = .475$ ,  $p< .01$ ) dengan tekad keusahawanan. Keputusan analisis regresi pula menunjukkan bahawa pembolehubah bebas yang terdiri daripada sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan secara signifikan menyumbang sebanyak 63.2% ( $R^2 = .632$ ) varians dalam tekad keusahawanan pelajar. Keseluruhannya, faktor-faktor keusahawanan yang dikaji memberi kesan terhadap tekad keusahawanan pelajar. Sikap keusahawanan merupakan faktor terkuat dalam pembentukan tekad keusahawanan pelajar bagi menunjukkan tingkahlaku keusahawanan. Oleh itu, faktor-faktor tekad keusahawanan terutamanya sikap keusahawanan perlu ditingkatkan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan kolej vokasional pada masa akan datang. Kajian ini memberi sumbangan kepada teori yang digunakan dalam kajian iaitu dalam aspek keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan walaupun tahap dan hubungannya sederhana dengan tekad keusahawanan. Kajian lebih mendalam tentang keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan patut dijalankan.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN THE SELECTED FACTORS AND  
ENTREPRENEURSHIP INTENTION AMONG VOCATIONAL COLLEGE  
STUDENTS IN THE MIDDLE ZONE, MALAYSIA**

By

**NORMASITAH BINTI MASRI**

**October 2019**

**Chairman : Arnida binti Abdullah, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The TVET graduates have been targeted to become skilled or semi-skilled workers apart from having the ability to generate income through entrepreneurship activities (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011) in line with vocational colleges objectives to produce 70% industrial workers and 10% entrepreneurs. However, the graduate tracking survey conducted by Ministry of Higher Education Malaysia (2018) shows that the percentage of TVET graduates who are self-employed is the lowest in comparison with self-employed graduates from the public university, polytechnics and community colleges. Entrepreneurial intention is identified as the best predictor of entrepreneurial behaviour studied with selected factors; entrepreneurial attitude, social norms entrepreneurial efficacy, proactive personality and students' involvement in entrepreneurial learning with entrepreneurial intention among the vocational college students in the Central Zone, Malaysia. The study of the level, correlation, and factors that contribute to entrepreneurship intention is carried out using the Theory of Planned Behaviour by Azjen (1991), Entrepreneurship Event Model by Shapero and Sokol (1982) and Student Involvement Theory by Astin (1984).

The quantitative approach is used through questionnaire as the research instrument which involved 256 students selected through stratified random sampling from 16 vocational colleges in Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Negeri Sembilan. The questionnaire data is analysed using descriptive statistics and inference. The findings shows that the students' entrepreneurship intention is at the medium level with a min of 3.65 and a standard deviation of 0.84 (n= 244). Finding also revealed high level of the entrepreneurial attitude (mean = 3.75, SD = 0.63), social norm (mean = 3.75, SD = 0.66), and proactive personality (mean = 3.87, SD = 0.53) while medium level of entrepreneurial efficacy (mean = 3.34, SD = 0.70) and the students' involvement in entrepreneurial learning (min = 3.21, SD = 0.76). There was a

significant difference between the mean of entrepreneurship intention [ $f(2, 243 = 9.060, p = .000)$ ] among students in Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Negeri Sembilan. The Pearson Correlation Test showed that there are a positive significant relationship between entrepreneurial attitude ( $r = .791, p < 0.01$ ), social norm ( $r = 0.579, p < 0.01$ ), entrepreneurial efficacy ( $r = 0.632, p < 0.01$ ) proactive personality ( $r = 0.469, p < 0.01$ ) and students' involvement in entrepreneurial learning ( $r = 0.475, p < 0.01$ ) with entrepreneurship intention. The regression analysis results show that independent variables which consist of entrepreneurial attitude, social norm, entrepreneurial efficacy, proactive personality and students' involvement in the entrepreneurial learning had significantly contributed to 63.2% ( $R^2 = .632$ ) variance in the students' entrepreneurship intention.

In general, this research shows that the entrepreneurship factors in this study affect the students' entrepreneurship intention. Entrepreneurship attitude was the most important factor in forming the students' entrepreneurship intention towards their entrepreneurship behaviour. Therefore, entrepreneurship intention factors, especially entrepreneurial attitudes and entrepreneurship efficacy should be enhanced in the effort of producing more vocational college entrepreneurs in the future. This study contributes to the theory used, in terms of the students' involvement in the entrepreneurial learning despite their level and relationship with the entrepreneurial intention. In depth, a study on the students' involvement in the entrepreneurial learning should be carried out.



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis iaitu Dr Arnida binti Abdullah yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta motivasi sepanjang menyempurnakan tesis ini. Terima kasih kepada bekas penyelia Profesor Dr Rahim Bakar dan Dr Soaib Asimiran selaku ahli jawatankuasa penyeliaan atas pandangan, nasihat dan kritikan sepanjang pengajian saya. Moga kebaikan dilimpahkan atas jasa dan khidmat yang telah dicurahkan selama ini. Tidak dilupakan kepada Profesor Dr Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Profesor Madya Dr Norasmah Othman, Dr Siti Asma' Mohd Rosdi dan Datin Rosnani Jusoh yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar.

Jutaan terima kasih kepada bapa saya Masri bin Musiron atas doa yang tak putus. Buat suami tercinta iaitu Jeffery bin Omar yang sentiasa menyokong dan memberi kata-kata semangat dan anak-anak; Nur Akmal Hafeez, Nur Izzah, Nur Danish Solihin dan Nur Adam Shah, tesis ini umi dedikasikan buat kalian.

Kepada responden yang memberi kerjasama dalam kajian ini terutamanya kolej vokasional di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan, kepada Allah saya mohon agar kebaikan anda mendapat balasan yang baik. Seterusnya buat rakan-rakan seperjuangan, susah senang perjalanan kita sepanjang pengajian ini membantu saya menghasilkan tesis ini. Moga kita semua dirahmati Allah SWT.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Arnida Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Soaib Asimiran, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIF, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak pernah dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrit ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Normasitah binti Masri, GS46811

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Arnida binti Abdullah

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Soaib bin Asimiran

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiixiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xxv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxvii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Hipotesis kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definisi Operasional	10
1.9.1 Tekad Keusahawanan	10
1.9.2 Sikap Keusahawanan	11
1.9.3 Norma Sosial	11
1.9.4 Efikasi Keusahawanan	11
1.9.5 Personaliti Proaktif	12
1.9.6 Keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan	12
1.10 Rumusan	12
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Tekad Keusahawanan	13
2.3 Teori dan Model berkaitan Tekad Keusahawanan Pelajar	14
2.3.1 Teori Tingkah Laku Terancang	14
2.3.2 Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero & Sokol 1982	18
2.4 Teori Keterlibatan Pelajar	20
2.4.1 Teori Penglibatan pelajar ( <i>Theory of Student Involvement</i> ) (Astin, 1984)	20
2.4.2 Perkembangan Teori Keterlibatan Pelajar	23
2.5 Pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi Tekad Keusahawanan pelajar	25
2.5.1 Sikap Keusahawanan	25
2.5.2 Norma Sosial	26
2.5.3 Efikasi Keusahawanan	28
2.5.4 Personaliti Proaktif	30

2.5.5	Keterlibatan Pelajar dalam Pembelajaran keusahawanan	31
2.6	Kajian-kajian Lepas	32
2.6.1	Tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan	32
2.6.2	Perbezaan tekad keusahawanan berdasarkan negeri	37
2.6.3	Hubungan sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan dengan tekad keusahawanan	38
2.6.4	Faktor faktor yang menyumbang tekad keusahawanan	42
2.7	Kerangka Teoritikal kajian	46
2.8	Kerangka Konseptual kajian	47
2.9	Rumusan	49
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>50</b>
3.1	Pengenalan	50
3.2	Rekabentuk Kajian	50
3.3	Lokasi	50
3.4	Populasi dan Sampel	51
3.4.1	Saiz sampel	52
3.4.2	Teknik Persampelan Cochran (1997)	53
3.4.3	Prosedur Persampelan	54
3.5	Instrumen Kajian	56
3.6	Kesahan	58
3.7	Kebolehpercayaan	59
3.8	Kajian Rintis	59
3.9	Prosedur Kajian	60
3.10	Analisis Data	62
3.11	Rumusan	65
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>66</b>
4.1	Pengenalan	66
4.2	Demografi Responden	66
4.3	Tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan	68
4.3.1	Tekad keusahawanan	68
4.3.2	Sikap keusahawanan	69
4.3.3	Norma sosial	70
4.3.4	Efikasi keusahawanan:	71
4.3.5	Personaliti proaktif	72
4.3.6	Keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan	74
4.4	Objektif 2: Mengenalpasti perbezaan tekad keusahawanan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.	76

4.5	Objektif 3: Menentukan hubungan antara sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan dengan tekad keusahawanan pelajar.	79
4.6	Objektif 4: Faktor yang menyumbang terhadap pembentukan tekad keusahawanan.	81
4.7	Perbincangan Dapatan Kajian	84
4.7.1	Tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan.	84
4.7.2	Perbezaan tekad keusahawanan pelajar mengikut negeri.	88
4.7.3	Hubungan antara sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan dengan tekad keusahawanan.	89
4.7.4	Faktor yang menyumbang terhadap pembentukan tekad keusahawanan.	91
4.8	Rumusan	92
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN</b>	<b>93</b>
5.1	Pengenalan	93
5.2	Rumusan kajian	93
5.3	Kesimpulan	94
5.4	Implikasi kajian	100
5.5	Cadangan kajian	102
5.6	Cadangan kajian lanjutan	103
	<b>RUJUKAN</b>	<b>105</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>117</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>153</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Senarai kolej vokasional di Zon Tengah mengikut negeri	51
3.2	Senarai sumber instrumen pembolehubah kajian	56
3.3	Nilai keboleh percayaan <i>Cronbach Alpha</i> kajian rintis dan kajian sebenar	60
3.4	Intepretasi skor min berdasarkan Pallant (2010)	62
3.5	Tafsiran nilai pekali korelasi	63
3.6	Ujian <i>collinearity</i> bagi pembolehubah peramal dalam model tekad keusahawanan pelajar	64
3.7	Analisis soalan kajian	64
4.1	Komposisi latar belakang diri responden	66
4.2	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai tekad keusahawanan	68
4.3	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai sikap keusahawanan	69
4.4	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai norma sosial	71
4.5	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai efikasi keusahawanan	72
4.6	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai personaliti proaktif	73
4.7	Nilai skor bilangan peratus, min dan sisihan piawai keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan	75
4.8	Skor min tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan	76
4.9	ANOVA sehala perbandingan min tekad keusahawanan bagi pelajar kolej vokasional di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan	78



4.10	Perbandingan berganda <i>Post Hoc</i> Tukey HSD bagi perbandingan tahap tekad keusahawanan antara negeri di Zon Tengah.	79
4.11	Jadual interpretasi saiz kesan oleh Tabachnick & Fidell, (2013)	79
4.12	Hubungan antara sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan dengan tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.	81
4.13	Min, sisihan piawai dan korelasi antara tekad keusahawanan dan pemboleh ubah peramal (n= 244)	82
4.14	Ringkasan model	82
4.15	<i>ANOVA</i> <sup>2</sup>	83
4.16	Analisis berganda (Coefficients <sup>a</sup> ) tekad keusahawanan sebagai pemboleh ubah bersandar	83

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Teori Tingkahlaku Terancang Ajzen (1991)	16
2.2 Model Peristiwa Keusahawanan Shapero dan Sokol (1982)	19
2.3 Hubungan sikap dengan tekad	25
2.4 Kerangka kajian tekad keusahawanan oleh Linan dan Rodriguez (2004)	26
2.5 Kerangka teoritikal tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional	47
2.6 Kerangka kajian tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional	48
3.1 Populasi kajian	52
3.2 Kaedah Persampelan berstrata	55
4.1 Min, tekad keusahawanan pelajar di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan	77

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Soal selidik	117
B1 Kebenaran menggunakan instrument penyelidikan	127
B2 Kebenaran mendapatkan maklumat dan menjalankan penyelidikan oleh UPM	129
B3 Kelulusan bersyarat menjalankan kajian oleh KPM	130
B4 Kebenaran menjalankan kajian oleh BPTV	131
C1 Penilaian instrument	133
C2 Laporan penilaian instrumen oleh pakar 1	135
C3 Laporan penilaian instrumen oleh pakar 2	138
C4 Laporan penilaian instrumen oleh pakar 3	141
D1 Surat permohonan mendapatkan data pelajar KV	144
D2 Surat maklumbalas mendapatkan data pelajar KV	145
D3 Surat kebenaran menjalankan penyelidikan di KV	146
D4 Surat kebenaran menjalankan penyelidikan pilot	147
E1 Histogram	148
E2 QQ plot	149
E3 Box plot	150
E4 PP plot	151
E5 Scatter plot	152

## SENARAI SINGKATAN

PPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TVET	<i>Technical and Vocational Educational Training</i>
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
KV	Kolej Vokasional
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Malaysia
GEM	<i>Global Entrepreneurship Monitor</i>
NSSE	<i>National Survey of Students Engagement</i>
BPTV	Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
MIIT	Institut Teknologi Maklumat Malaysia
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
TPB	<i>Theory of Planned Behaviour</i>
PBC	<i>Perceived Behavioral Control</i>
MUSLIS	<i>Malaysian University Student Involvement Scale</i>
EAO	<i>Entrepreneurship Attitude Orientation</i>
ESE	<i>Entrepreneurial Self Efficacy</i>
AUSSE	<i>The Australasian Survey of Student Engagement</i>
SGM	Skim Graduan Keusahawanan
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
KK	Kolej Komuniti
EIQ	<i>Entrepreneurship Intention Questionnaire</i>
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan latar belakang pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia menjurus kepada kolej vokasional. Seterusnya, latar belakang pendidikan keusahawanan memfokus kepada faktor-faktor berhubung tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional.

Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan dan diikuti dengan objektif kajian, kepentingan penyelidikan dan batasan kajian. Bab ini disertakan definisi operasi bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini turut dibincangkan.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia berhasrat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 bagi membina ekonomi berteraskan pengetahuan. Kejayaan negara bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan kompetensi rakyatnya. Bertitik tolak daripada wawasan ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013 berhasrat untuk melengkapkan pelajar dengan segala keperluan secara holistik bagi menghadapi peluang dan cabaran menjelang abad ke-21. Selaras dengan kepelbagaian minat dan kebolehan pelajar, KPM menyediakan laluan pembelajaran yang pada peringkat sekolah menengah yang terdiri daripada pendidikan akademik, teknikal, vokasional, agama, sukan dan kesenian. Rancangan Malaysia Ke-11 menggariskan pengupayaan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi membina negara maju selaras Wawasan 2020 (Unit Perancangan Ekonomi, 2015)

Pendidikan vokasional menyediakan pelajar untuk pasaran kerjaya yang memerlukan kepakaran dalam bidang tertentu, manakala pendidikan teknikal menasarkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi melayakkan mereka menceburi bidang kejuruteraan dan profesional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dianggarkan 1.5 juta peluang kerjaya menjelang tahun 2020 memerlukan pekerja dengan kelulusan sijil atau diploma bagi memenuhi permintaan industri. Seajar dengan keperluan ini, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional dilancarkan untuk memperkasakan bidang latihan dan kemahiran dengan mengambil dua langkah iaitu menubuhkan pendidikan asas vokasional (PAV) dan kolej vokasional (KV). Gelombang 1 (2013-2015) PPPM telah menjalankan pelbagai langkah bagi menguatkan pendidikan vokasional dengan memberi kesedaran awam tentang pilihan pendidikan yang ditawarkan, meningkatkan capaian terhadap program vokasional yang berkualiti, menjadikan latihan vokasional lebih relevan dengan industri dan menyediakan segala keperluan agar pihak industri menerima dan mengiktiraf pendidikan dan latihan vokasional KPM.

Transformasi Pendidikan Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2011 merupakan usaha yang bertujuan meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia untuk meluaskan kebolehpasaran dan mencapai status negara berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020. Konsep Transformasi Pendidikan Vokasional berusaha membina pendidikan vokasional yang berupaya melahirkan modal insan yang cemerlang sebagai pekerja mahir ataupun usahawan berdaya saing dan berwatak profesional, memenuhi keperluan ke arah negara maju berpendapatan tinggi, membekalkan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan berkekeluargaan yang diiktiraf oleh industri serta tinggi kebolehkernya (*employability*) dan mendorong tenaga profesional menghasilkan modal insan yang menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat. Kerajaan berkolaborasi dengan industri bagi menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang berdaya saing, memiliki kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf industri, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja.

Sistem pendidikan kolej vokasional ditubuhkan bagi melahirkan golongan mahir dalam bidang pekerjaan yang menepati kehendak industri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Ini selaras dengan objektif Transformasi Pendidikan Vokasional (2011) yang mensasarkan lepasan menengah rendah memiliki sijil kemahiran dan bersedia melanjutkan pengajian vokasional ke peringkat lebih tinggi manakala lepasan menengah atas memiliki sijil atau diploma yang diiktiraf dan berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing. Latihan kemahiran dan penerapan budaya keusahawanan perlu dalam menganjukkan ekonomi yang berdasarkan kos dan sumber asli kepada ekonomi yang dijanakan modal insan berbakat, terdidik dan terlatih (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Tahap pendidikan menentukan prestasi ekonomi yang lebih baik selain menjadi asas kepada pembangunan dan kerukunan bangsa Malaysia. Pendedahan awal kepada pendidikan keusahawanan menjadi strategi yang berguna bagi menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kerana hasilnya lebih banyak peluang pekerjaan dapat dicipta.

Aktiviti keusahawanan meningkatkan penawaran kerja, mencipta kekayaan dan mengembangkan ekonomi negara (Ahmad & Xavier, 2012). Tessema Gerba (2012) mendapati pelajar yang menerima pendidikan keusahawanan mempunyai tekad keusahawanan yang lebih baik berbanding pelajar tanpa pendidikan keusahawanan. Pendedahan kepada pendidikan keusahawanan boleh meningkatkan minat terhadap kerjaya keusahawanan (Ahmad Firdaus & Mohd Khata, 2012; Izquierdo & Buelens, 2011; Wan Nur Azlina & rakan-rakan, 2015) dan meningkatkan tahap tekad keusahawanan (Barba-Sánchez & Atienza-Sahuquillo, 2018; Basu & Virick, 2007). Menurut Nabi dan rakan-rakan (2018) kesan pembelajaran keusahawanan melengkapkan pelajar dengan sikap keusahawanan, pengetahuan keusahawanan, efikasi sendiri, kemahiran keusahawanan dan meningkatkan tekad keusahawanan. Menanam minat dan melatih pelajar dalam bidang keusahawanan penting dilakukan kerana banyak kajian menunjukkan kejayaan pembudayaan keusahawanan boleh berlaku jika pendedahan dilakukan di peringkat sekolah (Norasmah, 2002). Keterlibatan pelajar memberi kesan kepada pencapaian akademik yang merupakan hasil pembelajaran (Finn & Zimmer, 2012). Semakin tinggi keterlibatan pelajar di

kolej, semakin tinggilah amaun pembelajaran dan perkembangan personal pelajar (Astin, 1999).

Salah satu objektif penubuhan KV ialah melahirkan pelajar berkemahiran usahawan dalam bidang vokasional pilihannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Kemahiran keusahawanan diterapkan merentasi kurikulum. Justeru, pelajar diwajibkan menjalani kursus keusahawanan (UES 2012) pada tahap 2 semester pendek sebelum memulakan semester 5 di peringkat Diploma Vokasional Malaysia. Berbekalkan kemahiran diiktiraf sehingga peringkat diploma, lepasan KV mampu menjana pendapatan tinggi dan mencipta peluang pekerjaan melalui aktiviti keusahawanan. Walau bagaimanapun, kerjaya dalam bidang keusahawanan menjadi pilihan kedua atau terakhir oleh graduan di Malaysia (Norasmah & Kamaruzaman, 2007). Keadaan ekonomi yang lembab menurunkan kadar peluang pekerjaan dan meningkatkan kadar pengangguran ditambah kebanyakan golongan muda kurang meminati bidang keusahawanan (Norasmah & Salmah, 2011) terutamanya graduan melayu (Mohd Ariff & rakan-rakan, 2010).

Tenaga buruh di Malaysia lebih condong kepada belia dengan pencapaian pendidikan rendah. Kadar pengangguran belia dunia mencapai 13.1% pada 2016 menyamai dua kali ganda kadar pengangguran global. Di Malaysia, kadar pengangguran belia pada 10.5% pada 2018 berbanding kadar pengangguran nasional 3.2% (Unit Perancangan Ekonomi, 2018). Ini menunjukkan belia adalah golongan yang paling tinggi kadar pengangguran menjadikan pembaziran tenaga berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia yang sepatutnya dalam fasa yang paling produktif. Belia lebih mudah terkesan dengan pengangguran kerana golongan ini menjadi pilihan terakhir diambil bekerja dan pilihan utama untuk diberhentikan oleh majikan disebabkan kurang pengalaman dan kemahiran komunikasi (Bank Negara Malaysia, 2017).

Menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan kepada perkembangan keusahawanan dan ekonomi, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia menawarkan mata pelajaran Reka bentuk Teknologi yang mengandungi elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah dan menengah manakala Pengurusan Perniagaan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) turut menerapkan elemen keusahawanan secara eksplisit (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil inisiatif dengan mewajibkan subjek keusahawanan kepada semua pelajar universiti awam (Hardy Loh & rakan-rakan 2015). Langkah ini turut melibatkan institusi pendidikan vokasional negara terutamanya kolej vokasional menerusi transformasi yang telah dilancarkan.

Objektif kolej vokasional (KV) untuk melahirkan usahawan dimulakan dengan penerapan elemen keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran melalui program yang wajib diambil oleh pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) tahun

1 dalam semester pendek. Pelajar akan diberi pendedahan tentang konsep asas keusahawanan, pemikiran kreatif dan inovatif dalam keusahawanan, proses penyediaan Rancangan Perniagaan dan pengurusan perniagaan kecil. Kursus ini bertujuan untuk memberi ilmu asas dan konsep keusahawanan kepada pelajar supaya dapat menimbulkan minat dan memupuk nilai untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk perkongsian pengalaman keusahawanan, pembelajaran berasaskan kes, simulasi perniagaan dan pembentangan. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat membentuk minda keusahawanan dan mempamerkan kemahiran keusahawanan dalam aktiviti harian.

Pembelajaran keusahawanan yang ditawarkan ini melibatkan pembelajaran berbantu, pembelajaran sendiri dan penilaian rasmi. Pembelajaran berbantu melibatkan kuliah 25 jam dan pembelajaran berpusatkan pelajar sehingga 3 jam. Pembelajaran sendiri melibatkan persediaan kuliah, pembelajaran sendiri dan persediaan penilaian. Penilaian kursus ini berupa 40% kajian kes, 20% pembentangan dan 40% kertas kerja dijalankan sepanjang tempoh pembelajaran dan tidak melibatkan peperiksaan akhir.

Kajian tekad keusahawanan pelajar-pelajar kolej vokasional di Zon Tengah dilakukan dengan lima faktor yang digunakan iaitu sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan.

Menurut Krueger dan Brazeal (1994) pendidikan keusahawanan dapat meningkatkan kebolehlaksanaan tertanggap (*perceived feasibility*) melalui peningkatan pengetahuan pelajar dan efikasi sendiri dalam bidang perniagaan. Pelajar perlu diterap perasaan bahawa sebarang bentuk kemahiran yang diajar boleh mereka aplikasikan. Mereka perlu merasa yakin bahawa latihan yang diterima boleh diaplikasikan pada situasi perniagaan yang sebenar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Aktiviti keusahawanan meningkatkan penawaran kerja, mencipta kekayaan dan mengembangkan ekonomi negara (Ahmad & Xavier, 2012). Menjadi seorang usahawan memerlukan kemahiran, motivasi, perancangan, mengenalpasti peluang, sikap positif dan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang bukan terjadi secara kebetulan. Kajian kajian lalu mengaitkan tekad keusahawanan sebagai peramal kepada tingkah laku keusahawanan (Ajzen, 1991; Bird, 1988; Kolvereid, 1996b; Krueger & Carsrud, 1993; Liñán & rakan-rakan, 2011) yang meningkatkan peluang seseorang menceburi bidang keusahawanan. Faktor-faktor yang dikaji antaranya sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif, tingkah laku kawalan tertanggap, minat keusahawanan dan pendidikan keusahawanan dikenalpasti mempunyai hubungan signifikan dengan tekad keusahawanan. Maka, memahami tekad keusahawanan akan memberi gambaran jelas terhadap usahawan masa hadapan selaras dengan sasaran KV untuk melahirkan sekurang-kurangnya 10% graduannya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.



Graduan lepasan Institut Latihan Teknik dan Vokasional menunjukkan peratus belum bekerja tertinggi (24.9%) berbanding graduan IPTA, politeknik dan kolej komuniti. Peratusan ini menunjukkan peningkatan graduan belum bekerja berbanding tahun 2016 yang lebih rendah iaitu 21.6% graduan belum bekerja (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2018a). Data pengesanan juga menunjukkan lepasan institusi TVET mengalami penurunan peratusan bagi kumpulan yang menjalankan perusahaan sendiri daripada 1.0% pada 2016 menjadi 0.5% pada 2017. Peratusan belum bekerja yang tinggi diikuti peratus keterlibatan dalam perusahaan yang rendah memberi petunjuk graduan TVET berada dalam situasi jalan buntu dan pembaziran dari segi tenaga dan kemahiran berlaku sedangkan sepatutnya sumber tenaga tersebut dimanfaatkan secara maksimum untuk pelajar komuniti dan negara. Lepas TVET yang tidak berminat bekerja dalam industry atau melanjutkan pelajaran patut melibatkan diri dengan keusahawanan bagi menjana pendapatan menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang telah ditimba selama ini.

Kadar pengangguran belia dengan pendidikan tinggi dilaporkan 15.3% berbanding 9.8% bagi belia tanpa pendidikan tinggi. Situasi ini menjadi aspirasi untuk melahirkan generasi Malaysia yang mampu menjalankan perusahaan sendiri sejajar orientasi penubuhan kolej vokasional untuk menghasilkan 10% daripada graduannya menjadi usahawan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Tekad keusahawanan adalah peramal terbaik tingkah laku keusahawanan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian sebelum ini menunjukkan tekad keusahawanan di Malaysia menunjukkan tahap sederhana dan tinggi. Kajian (Al-Jubari dan rakan-rakan, (2018); Radin Siti Aishah, (2016); Zaidatol Akmaliah & Hisyamuddin, (2009); Ahmad Yasin dan rakan-rakan, (2011); Zaidatol, (2016) menunjukkan tekad keusahawanan pelajar pada tahap sederhana manakala kajian (Hishamuddin, 2007; Wan Nur Azlina, 2014) mendapati tekad keusahawanan pelajar TVET pada tahap tinggi.

Kajian lalu menunjukkan sikap keusahawanan (Cai & Kong, 2017; Kusmintarti, Asdani, & Riwayatanti, 2017; Law & Breznik, 2017; Francisco Liñán, Rodríguez-Cohard, & Rueda-Cantuche, 2011; Lüthje & Franke, 2003; Nor Aishah, Salmah, & Ravi, 2016; Saptono & Purwana, 2016; Wan Nur Azlina, 2014), norma sosial (Heuer & Linan, 2013; F Liñán & Santos, 2007; Francisco Liñán & Chen, 2009; Francisco Liñán et al., 2011; Nabi, Liñán, Fayolle, Krueger, & Walmsley, 2016; Ozaralli & Rivenburgh, 2016; Paul & Shrivatava, 2016; Ramayah & Zainon, 2005; Saadin & Daskin, 2015; Shook & Bratianu, 2010), efikasi keusahawanan (Ana, R, Y, & M, 2016; Arifatul Husna, Zainol, Zakiyah, & Adura, 2010; Francisco Liñán & Chen, 2009; Francisco Liñán et al., 2011; Francisco Liñán, Sevilla, Economía, & Rodríguez-cohard, 2005; Pihie & Bagheri, 2011; Wan Nur Azlina, 2014), personaliti proaktif (Bergeron, Schroeder, & Martinez, 2014; Crant & Bateman, 2000; Hishamuddin, 2007; Michael Crant, 1996; Paul, Hermel, & Srivatava, 2017; Paul & Shrivatava, 2016; Prabhu, McGuire, Drost, & Kwong, 2012; Travis & Freeman, 2017; Wan Mohd Zaifurin, Ibrahim, Nor Hayati, & Sabri, 2016) mempunyai hubungan langsung dengan tekad keusahawanan seseorang. Oleh itu, kajian ini menggunakan faktor-faktor terpilih tersebut bagi melihat hubungannya dengan tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional.

Keterlibatan pelajar dalam pembelajaran menjadi peramal kepada pencapaian akademik dan perkembangan kemahiran insaniah (Fauziah, Rosna & Tengku Faekah, 2012) yang amat diperlukan dalam menjalankan perniagaan. Menurut Cheng, Chan, dan Mahmood (2009), kaedah pembelajaran berpusatkan guru paling banyak digunakan oleh tenaga pengajar di Malaysia sedangkan menurut Balan dan Metcalfe (2011) dan Zaidatol dan Hisyamuddin (2009), kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar seperti gerak kerja berasaskan kumpulan, pelan poster dan ganjaran perniagaan kecil-kecilan merupakan kaedah yang paling menjadi pilihan pelajar dan menunjukkan kadar keterlibatan pelajar yang tinggi.

Cabaran melahirkan lebih ramai golongan usahawan terutamanya dalam kalangan lepasan TVET boleh dicapai dengan mengambil langkah yang sistematik berdasarkan kajian sarjana keusahawanan. Bird (1988) dalam kajiannya mendapati keusahawanan adalah tingkahlaku yang dirancang dan ditentukan manakala tekad dikenalpasti sebagai peramal terbaik tingkahlaku. Oleh itu, tekad keusahawanan digunakan dalam kajian ini kerana menjadi peramal terbaik terhadap tingkahlaku keusahawanan seseorang. Kajian-kajian lalu menunjukkan tahap tekad keusahawanan yang pelbagai seperti kajian Radin dan rakan-rakan (2016) terhadap pelajar pengajian tinggi di Malaysia yang mendapati tahap tekad keusahawanan pada tahap sederhana. Hishamuddin (2007) mendapati tahap tekad keusahawanan tinggi dalam kalangan pelajar di Kolej Yayasan Melaka manakala Wan Nur Azlina dan rakan-rakan (2015) mendapati tekad keusahawanan tinggi dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara terpilih.

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap dan hubungan faktor-faktor terpilih dengan tekad keusahawanan pelajar KV. Faktor-faktor yang ingin dikaji adalah; sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan. Kajian yang dijalankan di kolej vokasional ini dapat memberi maklumat tentang tekad keusahawanan pelajar KV dan menjadi peramal kepada tingkahlaku keusahawanan. Berdasarkan kajian lalu, faktor-faktor ini memberi kesan terhadap pembentukan tekad keusahawanan seseorang.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meninjau hubungan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah; Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan berdasarkan teori tekad keusahawanan dan sumbangan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah;

1. Menentukan tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.

2. Mengenalpasti perbezaan tekad keusahawanan berdasarkan negeri-negeri di Zon Tengah.
3. Menentukan hubungan sikap terhadap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, personaliti proaktif dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan dengan tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.
4. Mengenal pasti faktor yang menyumbang terhadap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif 1, 2 dan 4, kajian dilakukan untuk menentukan jawapan bagi persoalan berikut;

1. Apakah tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?
2. Apakah tahap sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah ?
3. Apakah tahap norma sosial dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?
4. Apakah tahap efikasi keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?
5. Apakah tahap personaliti proaktif dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?
6. Apakah tahap keterlibatan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah dalam pembelajaran keusahawanan?
7. Adakah terdapat perbezaan signifikan tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah berdasarkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan?
8. Adakah terdapat hubungan signifikan antara keterlibatan pelajar dalam pembelajaran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?
9. Apakah faktor yang menyumbang terhadap pembentukan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah?

## 1.5 Hipotesis kajian

Berdasarkan objektif 3, andaian yang boleh dibuat ialah kajian adalah;

- H<sub>1</sub> Terdapat hubungan signifikan antara sikap keusahawanan dengan tekad keusahawanan pelajar dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.
- H<sub>2</sub> Terdapat hubungan signifikan antara norma sosial dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.
- H<sub>3</sub> Terdapat hubungan signifikan antara efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.
- H<sub>4</sub> Terdapat hubungan signifikan antara personaliti proaktif dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Keusahawanan adalah penyelesaian terbaik bagi menghadapi masalah ekonomi dan sosial negara. Pelbagai langkah diambil bagi melengkapkan kemudahan infrastruktur dan sistem sokongan untuk meningkatkan aktiviti keusahawanan. Strategi membekalkan modal insan tempatan dengan kebolehan sebagai usahawan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia sebagai langkah mengagihkan sumber kekayaan negara dengan lebih seimbang. Melahirkan generasi yang mampu menjadi usahawan pula menjadi sasaran terbaik bermula dengan tekad keusahawanan pelajar.

Penyelidikan ini dapat memberi sumbangan maklumat realiti sebenar tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional yang masih dalam fasa baru sejak tahun 2013 dilancarkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Maka, dapatan boleh digunakan oleh penggubal dasar agar membuat perancangan strategik yang sesuai bagi memenuhi hasrat kerajaan mencapai 10% lulusan kolej vokasional menjadi usahawan yang berjaya. Kajian ini melihat tahap tekad keusahawanan pelajar apabila Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) kerana tekad keusahawanan pelajar boleh dijadikan kayu pengukur kemenjadian seorang usahawan pada masa hadapan.

Golongan pentadbir dan pendidik KV boleh merancang kaedah pengajaran mahupun program yang dapat meningkatkan tekad keusahawanan pelajar berdasarkan dapatan merangkumi lima elemen yang dikaji. Kelebihan pelajar kolej vokasional adalah kerana elemen pengalaman dan *hands on* dalam pembelajaran yang memperuntukkan 70% kerja bengkel berbanding pembelajaran teori. Menerusi dapatan, langkah penambahbaikan pada aspek keterlibatan pelajar yang lemah dapat dijalankan bagi

meningkatkan pendidikan keusahawanan seterusnya meningkatkan tekad keusahawanan pelajar KV.

Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Manfaat diperoleh dari segi pendapatan yang tinggi hasil usaha sendiri malah mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain. Selain itu, pelajar KV tidak perlu bergantung kepada industri untuk mempraktikkan kepakaran mereka kerana menerusi keusahawanan, peluang yang lebih luas dan menguji kebolehan diri sebenar dapat ditonjolkan.

